

12 APR 1999

Mahathir-Kosovo

MALAYSIA MAHU NATO HANTAR PASUKAN DARAT LINDUNGI RAKYAT ALBANIA

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa NATO menggerakkan pasukan tentera daratnya ke Kosovo, untuk melindungi etnik Albania yang masih tinggal, daripada kezaliman Serb.

"Kita sedang berhadapan dengan seorang (Presiden Yugoslavia Slobodan Milosevic) yang begitu kejam, yang bersedia membunuh dan... membunuh beramai-ramai," katanya.

Beliau berkata demikian dalam temuramah ringkas dengan Bernama dan RTM di Insitut Jantung Negara (IJN) di sini sejurus sebelum beliau dibenarkan keluar selepas menerima rawatan selama 11 hari kerana infeksi paru-paru.

Dalam reaksi pertama beliau kepada serangan udara NATO terhadap Belgrade itu, Dr. Mahathir berkata Malaysia menyokong penuh tindakan ketenteraan NATO sehingga Milosevic memenuhi tuntutan supaya menghentikan tindakan ketenteraan di Kosovo.

"Saya berada di Mekah ketika ini berlaku," katanya.

Beliau menggesa NATO memperherbatkan lagi usahanya untuk menamatkan kekejaman Serb di Kosovo.

Seruan Perdana Menteir itu dibuat ketika para Menteri Luar dari negara-negara NATO berkumpul di Brussels hari ini untuk menunjukkan perpaduan mereka terhadap Presiden Milosevic sambil serangan udara pakatan itu diteruskan bagi hari ke-20.

Laporan agensi berita menyatakan bahawa 19 menteri itu mengadakan sesi sepanjang hari untuk merancang tindakan ketenteraan, politik dan kemanusiaan mengenai krisis Kosovo.

Sambil menyifatkan kekejaman Milosevic sebagai sama dengan yang dilakukan oleh Hitler semasa Perang Dunia II, Dr. Mahathir berkata NATO seharusnya menggerakkan tentera daratnya ke Kosovo untuk melindungi etnik Albania yang masih tinggal itu daripada puak Serb.

Laporan dari Brussels berkata menteri NATO akan mempertimbangkan "masa dan keadaan" yang sesuai bagi mengerahkan pasukan tentera darat NATO di Kosovo untuk membantu pelarian pulang semula tetapi serangan terhadap wilayah itu belum difikirkan buat masa ini.

NATO menganggarkan 960,000 orang daripada etnik Albania telah dihalau dari Kosovo atau kehilangan tempat akibat konflik itu dalam setahun lalu.

-- BERNAMA

ZS NMO